

# 234 kakitangan USIM terima anugerah

**SEREMBAN 11 Nov.** - Seramai 234 kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mempamerkan prestasi cemerlang terpilih untuk menerima anugerah menerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2013, yang diadakan di Putrajaya, baru-baru ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, anugerah merupakan hasrat USIM dalam menghargai serta mengiktiraf warganya secara berterusan demi mengangkat martabat keilmuan dan pentadbiran.

"Kecemerlangan sesebuah universiti bukan sahaja terletak pada

kepada kecemerlangan kakitangan akademik sahaja, malah terletak merupakan tanggungjawab setiap kakitangan.

"Asas yang paling utama di dalam kecemerlangan kakitangan adalah bergantung kepada pelaksanaan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

"Anugerah-anugerah ini merupakan langkah ke arah membudayakan kecemerlangan menyefuruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan, khususnya di USIM," katanya ketika berucap pada majlis tersebut, baru-baru ini.

Penyampaian anugerah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Abdul Shukor Husin.

Pada majlis tersebut, sebanyak 17 kategori dan anugerah telah disampaikan meliputi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (110), Anugerah Terpuji (71), Anugerah Khas (48)

Dalam pada itu, lima anugerah hhas diwujudkan pada tahun ini iaitu Anugerah Ahli Akademik Harapan, Anugerah Pendidik, Anugerah Kreativiti Seni dan Budaya, Anugerah Perdana Siwa/

Siswi dan Anugerah Pelajar Siswazah.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan di Bahagian Pengurusan Akademik, Norlizawaty Tumin yang terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa berkata, anugerah itu akan dijadikan pendorong kepada dirinya untuk terus cemerlang

"Perubahan pemikiran untuk menerima perubahan amat perlu dan pada masa sama berusaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran amat diperlukan ke arah meningkatkan kualiti kerja," katanya.



**ABDUL SHUKOR HUSIN (duduk, empat dari kiri) dan Musa Ahmad (duduk, tiga dari kiri) bersama dengan penerima anugerah pada Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2013 di USIM, Seremban, baru-baru ini.**